

**Konflik Fizikal Antara Negara Bukan Lagi Satu Pilihan - Ahmad Zahid
Bernama
17 April , 2012**

KUALA LUMPUR, 17 April (Bernama) -- Konflik fizikal antara negara bukan lagi pilihan berdaya maju di rantau ini atau bahagian lain di dunia dalam abad ke-21, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau berkata pencerobohan, keganasan dan perang di antara negara akan hanya membawa kemusnahan dan penderitaan kepada rakyat.

Berucap pada Forum Putrajaya 2012 di sini, pada Selasa, beliau berkata negara-negara kini berdepan dengan cabaran keselamatan bukan tradisional yang baharu seperti pemerdagangan orang, keganasan, penyeludupan dadah dan percambahan senjata nuklear.

"Ini tidak dapat diselesaikan secara terasing atau menerusi struktur keselamatan sepertimana di masa lampau. Cabaran-cabaran baru ini memerlukan lebih ketelusan di antara negara-negara dalam menyelesaikannya," katanya.

Forum itu diadakan sempena Pameran dan Persidangan Perkhidmatan Pertahanan Asia (DSA) ke-13 yang diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC)

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=659673>